



## KENYATAAN AKHBAR

Ruj Kami : JAI.SEL.BKP/07/018/03 JLD 2 (78)

### UNTUK SIARAN SEGERA

#### “PEMAKLUMAN PERUBAHAN WAKTU SOLAT SUBUH BAGI SELURUH KAWASAN NEGERI SELANGOR”

**28 November 2019, Shah Alam** – Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) ingin memaklumkan terdapat perubahan pada waktu solat subuh bagi seluruh kawasan Negeri Selangor dengan **tambahan masa sebanyak lapan minit (8 Minit) dari waktu asal semasa**. Perubahan ini hendaklah dibuat **mulai masuk waktu solat subuh pada 29 November 2019M bersamaan 2 Rabiulakhir 1441H**.

Perubahan ini dibuat hasil kajian kecerahan langit waktu subuh yang dilakukan oleh pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bersama penyelidik Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur. Perkara ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) kali ke-116 dan telah diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor pada 28 November 2019M bersamaan 1 Rabiulakhir 1441H untuk dikuatkuasakan bagi Negeri Selangor.

Sehubungan dengan itu, pihak JAIS memohon siaran segera kepada semua pihak akan pemakluman ini.

Sekian, wassalam.

“SELANGOR MAJU BERSAMA”

“BERKHIDMAT KERANA ALLAH UNTUK NEGARA”

**UNIT KORPORAT**

Jabatan Agama Islam Selangor

28 November 2019  
1 Rabiulakhir 1441H